Mesyuarat Jawatankuasa Pasaran Kewangan
(Financial Markets Committee, FMC)
27 Jun 2024
Bank Negara Malaysia

Ringkasan

Mesyuarat membincangkan tentang perkembangan terkini pasaran kewangan domestik dengan tumpuan diberikan pada pasaran pertukaran asing ringgit.

1. Pelantikan ahli baharu FMC

1.1 Pengerusi FMC, Adnan Zaylani mengalu-alukan Puan Nor Hanifah Hashim dari Franklin Templeton Malaysia sebagai ahli FMC yang baharu.

2. Perkembangan pasaran kewangan domestik

2.1 Dolar secara amnya kukuh baru-baru ini apabila peserta pasaran menyesuaikan jangkaan mereka berhubung dengan pengurangan kadar Federal Reserves AS (Fed) daripada enam kali pada awal tahun ini kepada hanya satu atau dua kali untuk tahun 2024. Tindakan ini telah menyumbang kepada volatiliti dalam pasaran.

2.2 Meskipun menjangkakan hanya ada satu atau dua pengurangan kadar Fed pada tahun 2024, mesyuarat mengambil maklum bahawa ringgit terus berdaya tahan dan hanya menurun nilai sebanyak 2.6% berbanding dolar AS sejak awal tahun sehingga kini. Ringgit berada pada tempat ketiga dalam kalangan 10 mata wang serantau[1].

2.3 Sejak 26 Februari, ringgit merupakan satu-satunya mata wang yang menambah nilai berbanding dolar, iaitu mengukuh sebanyak 1.3%. Hal ini merupakan bukti kesan positif hasil daripada tindakan terselaras yang dilaksanakan oleh Kerajaan dan Bank Negara Malaysia (BNM) untuk menggalakkan aliran masuk yang lebih konsisten dan tepat pada masanya oleh syarikat berkaitan kerajaan (*government-linked companies*, GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (*government-linked investment companies*, GLIC). Ahli mesyuarat turut mengambil maklum akan kehadiran BNM dalam pasaran pertukaran asing (*foreign exchange,* FX) bagi memastikan keadaan adalah teratur.

2.4 Mesyuarat mengambil maklum usaha-usaha BNM mengadakan libat urus dengan syarikat korporat bagi menguruskan aliran FX mereka, termasuk

[1] INR (-0.4%), CNY (-2.3%), SGD (-2.8%), TWD (-5.7%), PHP (-5.9%), IDR (-6.1%), KRW (-7.3%), THB (-7.3%), JPY (-12.3%)

mewujudkan program rintis untuk membawa balik baki mata wang asing dan memudahkan kelulusan secara pantas untuk pelaburan masa hadapan di luar negara. Program ini akan diperluas pada masa yang akan datang.

2.5 Yang penting, mesyuarat juga mengambil maklum bahawa hubung kait (*correlation*) yang tinggi yang pernah dicatatkan antara ringgit dengan renmimbi telah berkurang dengan ketara.

2.6 Keadaan kewangan domestik terus teratur dengan Kadar Semalaman Malaysia (Malaysia Overnight Rate, MYOR) mengikut rapat Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) dalam keadaan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi.

3. Pembaharuan struktur

3.1 Mesyuarat mengakui komitmen Malaysia yang berterusan terhadap pembaharuan struktur. Mesyuarat turut mengambil maklum bahawa rasionalisasi subsidi diesel juga diterima baik serta berperanan untuk mencegah ketirisan dan memperkukuh komitmen Kerajaan terhadap disiplin fiskal. Ahli-ahli mesyuarat juga menekankan kepentingan umemastikan strategi dan pelaksanaan komunikasi yang berkesan berhubung dengan kemungkinan rasionaliasi subsidi petrol RON95 pada masa hadapan.

3.2 Mesyuarat mengambil maklum bahawa usaha Kerajaan baru-baru ini untuk menarik pelaburan berkualiti tinggi, termasuk inisiatif tenaga boleh diperbaharui di bawah Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (National Energy Transition Roadmap, NETR) dan projek infrastruktur pusat data, telah berjaya mendapatkan pelaburan langsung asing (*foreign direct investment*, FDI) baharu. Walau bagaimanapun, ahli mesyuarat turut mendapati peralihan dalam aliran FDI kepada negara lain yang mempunyai kos yang lebih rendah di rantau ini, khususnya sektor perkilangan.

3.3 Mencerminkan keyakinan para pelabur yang berterusan terhadap prospek ekonomi Malaysia, kadar hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) 10 tahun telah didagangkan dalam julat 3.70%-4.00%, manakala pemegangan asing bagi bon kerajaan Malaysia stabil pada kira-kira 22%, meskipun spread antara kadar hasil MGS dengan kadar hasil US Treasury (UST) menjadi sedikit lebih negatif. Ekuiti Malaysia juga sangat

cemerlang dalam bursa serantau dengan mencatatkan keuntungan sebanyak 9.4%[2].

4. Prospek ringgit

4.1 Mesyuarat bersetuju bahawa ringgit tidak mencerminkan asas-asas makroekonomi Malaysia yang utuh seperti pertumbuhan KDNK yang kukuh dan inflasi yang sederhana. Ahli mesyuarat berpandangan bahawa ringgit mempunyai potensi yang nyata untuk menambah nilai dan menjadi antara mata wang yang akan mendapat manfaat yang banyak daripada pengurangan kadar AS memandangkan pergerakan yang berlebihan semasa kitaran kenaikan kadar. Ahli mesyuarat juga mengambil maklum bahawa sentimen asing kekal positif dan semakin bertambah baik berikutan usaha libat urus bersama pelabur secara kolektif oleh Kerajaan, BNM dan peserta industri.

4.2 Mesyuarat optimis terhadap prospek jangka pendek ringgit. Meskipun rintangan masih wujud, termasuk risiko geopolitik, ketidakpastian berhubung dengan trajektori kenaikan kadar AS serta pengaturan masa dan tahap selanjutnya bagi rasionalisasi subsidi dalam negeri, ahli mesyuarat yakin bahawa kestabilan pasaran domestik yang berterusan dan usaha terselaras oleh semua pihak yang terlibat akan akhirnya memperkukuh prestasi ringgit. Mesyuarat mengambil maklum bahawa median unjuran Bloomberg terkini bagi USD/MYR adalah pada 4.65 untuk akhir tahun 2024 dan 4.45 untuk akhir tahun 2025.

[2] Singapura: +2.8%, Filipina: -2.1%, Indonesia: -5.0%, Thailand: -6.9%